



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA (YKN) AGEN TRANSFORMASI SOSIAL NEGARA

PUTRAJAYA, 17 Januari 2018 – “YKN akan menjadi agen transformasi sosial negara yang terbaik terutama sekali dalam menangani masalah sosial negara dengan bantuan syarikat-syarikat korporat, agensi-agensi Kerajaan, NGO dan Institut Pendidikan Tinggi”, YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata demikian pada **Majlis Anugerah ‘Friends of YKN 2017’**.

Pada majlis tersebut, tiga kategori hadiah iaitu kategori Korporat, NGO dan juga IPT telah disampaikan kepada mereka yang telah memberi sokongan dan sumbangan kepada YKN dalam membantu kumpulan sasaran. Pada masa yang sama, YKN telah melancarkan tabung pendidikan atau tabung khas untuk bantuan pendidikan ke pusat pendidikan tinggi, kolej, atau sekolah-sekolah berasrama penuh, pusat-pusat pendidikan khas seperti tahfiz dan lain-lain untuk anak-anak kumpulan sasaran yang terdiri daripada anak-anak ‘rakan jalanan’, anak yatim piatu, miskin dan lain-lain.

Rohani turut mengumumkan YKN akan melaksanakan satu inisiatif baru untuk membantu anak-anak yatim yang terpaksa keluar dari institusi-institusi kebajikan apabila mencapai umur 18 tahun ke atas. Mereka akan dibantu dari segi pendidikan, kebajikan dan kerjaya masa depan. Projek rintis yang pertama akan dilaksanakan di Anjung Singgah Kuching, Sarawak pada tahun ini.

Seramai 300 orang jemputan yang terdiri daripada rakan-rakan kerjasama YKN seperti syarikat-syarikat korporat, agensi-agensi, dan institusi-institusi hadir di majlis ini. Turut hadir YBhg. Dato’ Suriani Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato’ Haji Zulkipli bin Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif YKN serta Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN.

Disediakan oleh : Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 011-2553 9916